



# Lebih setengah juta pekerja daftar PIKAS

Oleh [Norzamira Che Noh](#) - Jun 28, 2021 @ 4:10pm

[bhnews@bh.com.my](mailto:bhnews@bh.com.my)

SHAH ALAM: Seramai 669,846 orang pekerja dari 4,537 syarikat di seluruh negara mendaftar Program Imunisasi Industri COVID-19 Kerjasama Awam-Swasta (PIKAS) sejak mula dilaksanakan 16 Jun lalu.

Daripada jumlah itu, seramai 16,564 pekerja sektor pembuatan di Selangor, Pulau Pinang dan Johor mendapat suntikan vaksin sehingga semalam.

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali berkata, daripada pekerja sektor pembuatan yang berdaftar, 581,440 adalah dari Selangor.

"Di Selangor, MITI menerima permohonan daripada 1,079 syarikat dalam sektor pembuatan membabitkan 179,323 pekerja.

"Bagi Pusat Pemberian Vaksin (PPV) PIKAS di Pusat Konvensyen Setia City (SCCC) ini, kita bersetuju 36,942 pekerja akan menerima suntikan vaksin COVID-19 di sini, mulai hari ini," katanya pada sidang media selepas meninjau proses vaksinasi di SCCC, hari ini.

Mohamed Azmin berkata, pusat berkenaan dijangka mampu menampung kapasiti 1,500 pekerja sehari.

Katanya, pihaknya percaya dengan sokongan diberikan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) dan Kementerian Kesihatan (KKM), program vaksinasi PIKAS dapat dilengkapkan sehingga akhir September.

"Bagi program rintis yang kita jalankan sejak 16 Jun lalu, kita mendapat jaminan bekalan sebanyak 150,000 dos yang akan disempurnakan pada pertengahan Julai ini.

"Saya juga memohon MOSTI mendapatkan bekalan tambahan 600,000 dos untuk Julai dan Ogos serta 795,000 dos bagi September.

"Sekiranya bekalan ini dapat disediakan, saya yakin kita dapat mencapai imuniti kelompok bagi sektor pembuatan pada penghujung September depan," katanya.



Mohamed Azmin (duduk kiri) ketika melawat PPV di bawah PIKAS di Pusat Konvensyen Setia City (SCCC), Shah Alam. FOTO NSTP/FAIZ ANUAR